




D.R. 19 TAHUN 2023

DEWAN RAKYAT PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KEDUA



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN**

**LAPORAN LAWATAN KERJA KE JEPUN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN
PERTANIAN**

KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
• Kandungan	i
• Lampiran	iii
<u>BAHAGIAN I</u> PENGENALAN	
• Latar Belakang	1
• Objektif Lawatan	2
<u>BAHAGIAN II</u> LAPORAN PROGRAM	
i. Kunjungan Hormat ke atas Mr. Furuya Keiji, Chairman of the Japan-Malaysia Parliamentary Friendship Association, Chairman of Japan-Malaysia Association (JMA) dan Ahli House of Representatives of Japan	3
ii. Kunjungan Hormat ke atas H.E. Mr. Sasagawa Hiroyoshi, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun	6
iii. Lawatan ke Bangunan National Diet of Japan dan Parliamentary Museum	9
iv. Mesyuarat bersama Mr. Suginaka Atsushi, Ketua Pengarah Penyelarasan Dasar, Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	14
v. Kunjungan Hormat ke atas H.E. Mr. Miyashita Ichiro, Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	17
vi. Mesyuarat bersama Japan Co-operative Alliance (JCA) dan Co-op Deli	19
vii. Kunjungan Hormat ke atas YBhg. Dato' Shahril Effendi Abd Ghany, Duta Besar Malaysia ke Jepun	24
viii. Mesyuarat bersama KI Fresh Access Inc. (KIFA)	25
ix. Mesyuarat bersama National Agriculture and Food Research Organization (NARO)	28

	<u>Muka Surat</u>
x. Mesyuarat bersama SD Impex Japan Co. Ltd. (SDIJ)	33
xi. Lawatan ke Togokusan Fruits Park	36
xii. Lawatan ke Second Harvest Japan	38
xiii. Lawatan ke Shibayama Farm Co. Ltd.	41
<u>BAHAGIAN III</u> PEMERHATIAN DAN SYOR JAWATANKUASA	
• Pemerhatian Ahli-Ahli Jawatankuasa	44
• Syor-Syor Jawatankuasa	52
<u>BAHAGIAN IV</u> <i>RUMUSAN JAWATANKUASA</i>	
• Rumusan Jawatankuasa	53

LAMPIRAN

- Lampiran A :** Senarai Delegasi Lawatan Kerja ke Jepun Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup Dan Pertanian
- Lampiran B :** Jadual Program Lawatan Kerja ke Jepun Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup Dan Pertanian
- Lampiran C :** Pembentangan '*Food Security Policy in Japan*' oleh Policy Coordination Office, Ministry of Agriculture, Forestry and Fisheries (MAFF)

BAHAGIAN I

PENGENALAN

Latar Belakang

Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian disertai oleh beberapa agensi seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengadakan lawatan kerja ke Jepun pada 1 hingga 7 Oktober 2023. Senarai delegasi adalah seperti di **Lampiran A**. Lawatan kerja ini secara umumnya bertujuan bagi mengadakan sesi perbincangan dua hala mengenai isu-isu keterjaminan makanan, perdagangan dalam negeri, teknologi pertanian moden, pembangunan koperasi dan isu kos sara hidup.

Antara kejayaan lawatan kerja ini adalah delegasi JKPK berpeluang menemui Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun, H.E. Mr. Miyashita Ichiro yang baru sahaja dilantik memegang portfolio ini. Ketua Delegasi JKPK, YB Tuan Cha Kee Chin telah menyampaikan hasrat Malaysia untuk meningkatkan kerjasama strategik antara Malaysia dan Jepun dalam bidang pertanian dan isu sekuriti makanan. Delegasi JKPK juga turut melawat beberapa syarikat, KI Fresh Access Inc. Japan dan SD Impex Japan Co. Ltd. bagi melihat peluang-peluang terkini dalam aktiviti-aktiviti perniagaan mereka. Selain itu, delegasi JKPK juga telah berpeluang melawat pusat penyelidikan dan pembangunan, National Agriculture and Food Research Organization (NARO) bagi melihat teknologi terkini dalam pertanian pintar padi dan penternakan tenusu pintar. Pengalaman dan pengetahuan baharu ini amat signifikan kepada delegasi JKPK sebagai rakan strategik kepada pihak kementerian dalam memajukan lagi bidang pertanian dan penternakan di Malaysia.

Lawatan delegasi JKPK ke Jepun secara keseluruhannya telah memenuhi objektifnya dan wajar diteruskan pada masa hadapan. Perbincangan dan perkongsian ilmu sepanjang lawatan juga berjaya memberi impak signifikan kepada delegasi dalam usaha meningkatkan pengetahuan ahli terhadap isu-isu yang diangkat untuk perbincangan oleh pihak JKPK.

Objektif Lawatan

JKPK ini telah menetapkan objektif lawatan kerja seperti berikut:

- i. Memahami dan mendalami pelbagai bentuk *standing committees* dan *select committees* terutamanya bagi pelaksanaan jawatankuasa berkaitan isu-isu pertanian, penternakan, perikanan dan hal ehwal pengguna di National Diet;
- ii. Memahami dan mendalami dengan terperinci mengenai fungsi dan tanggungjawab Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas di National Diet agar dapat membantu meningkatkan kecekapan setiap ahli melaksanakan fungsi JKPK Parlimen Malaysia;
- iii. Memahami dan mempelajari kejayaan dalam menggunakan teknik pertanian moden (*digital farming*), *artificial intelligence (AI)* dan *Internet of Things (IoT)* untuk diaplikasikan di Malaysia sebagai mendukung usaha meningkatkan sekuriti makanan negara;
- iv. Memahami secara terperinci mengenai kejayaan industri *start-up* yang berinovasi di Jepun dan peluang-peluang perniagaan yang baharu dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan rakyat di Malaysia; dan
- v. Mempelajari kaedah terkini pelaksanaan koperasi-koperasi di Jepun yang lebih berdaya saing.

BAHAGIAN II

LAPORAN PROGRAM

Di sepanjang lawatan ini, delegasi telah mengadakan 4 sesi kunjungan hormat, 5 mesyuarat dan 4 sesi lawatan. Jadual program lawatan kerja adalah seperti di **Lampiran B**. Pemerhatian utama daripada lawatan kerja yang dilakukan adalah seperti berikut:

- i. **Kunjungan Hormat kepada H.E. Mr. Furuya Keiji, Chairman of the Japan-Malaysia Parliamentary Friendship Association, Chairman of Japan-Malaysia Association (JMA) dan Member of the House of Representatives of Japan**

Sesi kunjungan hormat kepada H.E. Mr. Furuya Keiji pada 2 Oktober 2023 (Isnin) diadakan di Bangunan National Diet of Japan. Topik perbincangan tertumpu kepada mengukuhkan jalinan kerjasama strategik dalam bidang pertanian antara Malaysia dan Jepun. Kerjasama ini diperlukan kerana topik mengenai keterjaminan makanan menjadi antara perkara terpenting selepas pandemik COVID-19.

Seterusnya, perkara yang dibincangkan ialah mengenai industri animasi yang sedang berkembang pesat di Jepun iaitu, MANGA di mana terhasilnya watak Naruto yang sangat terkenal di seluruh dunia. Disebabkan perkembangan industri animasi, maka ramai penduduk di seluruh dunia mempelajari bahasa Jepun. Selain itu, terdapat juga kedai buku Kinokuya di Malaysia dan ini menunjukkan salah satu kerjasama yang baik antara negara Jepun dan Malaysia. Ketua Delegasi pula menyatakan bahawa Jepun telah lama menjadi *role model* untuk Malaysia dalam perkembangan teknologi sejak dari tahun 1985 di mana Malaysia mengeluarkan kereta nasional pertama iaitu PROTON.

Mr. Furuya Keiji juga turut memberikan penjelasan tentang Shinkansen iaitu keretapi berkelajuan tinggi (*bullet train*) yang menjadi kebanggaan Jepun. Beliau turut memaklumkan bahawa satu lagi keretapi berkelajuan tinggi antara bandar akan beroperasi pada tahun 2025, dengan kelajuan yang mencecah 500km/j, iaitu lebih tinggi berbanding dengan Shinkansen. Beliau juga berbesar hati apabila

dimaklumkan bahawa rombongan kerja ini akan menaiki Shinkansen dari Tokyo ke Nagoya pada 5 Oktober 2023.

Justeru, harapan JKPK adalah supaya kerjasama ini diperkukuhkan dalam usaha meningkatkan produktiviti dalam sektor pertanian. Selaras dengan komitmen Perdana Menteri yang telah meluluskan peruntukan sebanyak RM3 bilion bagi menjayakan tanaman padi lima musim dalam dua tahun, Malaysia perlu mempelajari teknik terkini penanaman padi yang berteknologi tinggi di Jepun. Hal ini diharapkan agar dapat meningkatkan tahap sara diri (SSL) padi yang lebih tinggi untuk keperluan rakyat Malaysia.

Ketua Delegasi JKPK menghuraikan antara tujuan lawatan kerja JKPK ini ke Jepun adalah untuk meninjau sendiri, memahami dan mempelajari kejayaan negara Jepun dalam memastikan peratusan pembekalan makanan tempatan (*self-supply*) yang tinggi, walaupun Jepun menghadapi masyarakat yang menua (*aging*) dengan kadar kelahiran yang rendah.

Kejayaan Jepun yang menggunakan teknologi moden dan pertanian pintar (*smart agriculture*) dalam memastikan penghasilan pertanian yang tinggi amat dikagumi dan wajar dicontohi oleh negara kita. Dasar Pandang Ke Timur (*Look East Policy*) sejak tahun 1982, telah memberikan penekanan kepada bidang pendidikan, kejuruteraan dan teknologi. Dasar ini wajar merangkumi bidang pertanian dan penternakan, kerana Jepun telah membuktikan penggunaan teknologi moden boleh mempertingkatkan prestasi hasil pertanian mereka.

JKPK juga berharap agar Japan-Malaysia Parliamentary Friendship Association terus memainkan peranan yang penting, untuk mengeratkan hubungan kedua-dua negara, khasnya dalam bidang pertanian.

Ketua Delegasi JKPK juga menyatakan kepercayaan Malaysia kepada semua produk-produk makanan laut dari Jepun dan akan terus mengimport dari Jepun. Oleh itu, delegasi JKPK berharap agar Jepun dapat mengimport lebih banyak lagi produk-produk buah tropika dari Malaysia, terutamanya durian Musang King yang sememangnya terkenal di Jepun.

JKPK juga menyatakan harapan agar Japan-Malaysia Parliamentary Friendship Association boleh terus menjadi “jambatan” yang mengeratkan hubungan antara Malaysia dengan Jepun. Status perhubungan yang erat antara Malaysia dengan Jepun akan membawa manfaat kepada kedua-dua negara dan rantau Asia. Pandangan ini turut dipersetujui oleh H.E. Mr. Furuya Keiji dan juga delegasi JKPK.



Delegasi JKPK sedang dalam perbincangan bersama Mr. Furuya Keiji



Delegasi JKPK bergambar kenangan dengan Mr. Furuya Keiji

ii. Kunjungan Hormat ke atas H.E. Mr. Sasagawa Hiroyoshi, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun

Pada hari Selasa, 2 Oktober 2023, delegasi JKPK telah dapat bertemu dengan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pertanian, Perhutanan dan Perikanan, H.E. Mr. Sasagawa Hiroyoshi bagi membincangkan isu-isu yang berkait dengan jawatankuasa ini. Beliau telah menekankan bahawa hubungan kerjasama antara Malaysia dan Jepun perlu dipertingkatkan dan diteruskan demi mengukuhkan sektor industri makanan kedua-dua negara.

JKPK turut dimaklumkan bahawa nasi juga merupakan makanan ruji penduduk Jepun, iaitu sama seperti keadaanya di Malaysia. Jepun mempunyai populasi yang berjumlah 125 juta orang. Jepun berupaya membekalkan lebih 100 peratus beras untuk penduduknya.

H.E. Mr. Sasagawa turut memaklumkan bahawa beras yang dijual di pasaran domestik Jepun adalah hasil tempatan. Tiada keperluan untuk Jepun mengimport beras dari negara asing. Negara Jepun memang mementingkan sekuriti makanan (food security) penduduknya sejak dahulu. Dengan itu, pelbagai usaha telah dilaksanakan sejak dahulu, terutamanya pendekatan untuk mempertingkatkan kadar penghasilan produk pertanian. Jepun bukan sahaja berjaya membekalkan 100 peratus beras untuk penduduk, Jepun juga mampu membekalkan 100 peratus hasil tenusu tempatan kepada penduduknya.

Ketua Delegasi JKPK pula menyentuh tentang keperluan Malaysia untuk mempelajari teknologi terkini daripada Jepun yang mana boleh dipraktikkan di Malaysia. Memandangkan isu sekuriti makanan negara menjadi topik global kini, kedua-dua negara haruslah bekerjasama bagi memastikan ekosistem pengedaran makanan untuk keperluan domestik negara mencukupi.

JKPK turut mengharap agar Jepun boleh menawarkan khidmat nasihat dan kepakaran kepada Malaysia untuk meningkatkan tahap sekuriti makanan di Malaysia. Harapan JKPK agar Malaysia boleh mengaplikasikan kepakaran dan pendekatan Jepun dalam bidang yang bersesuaian, supaya tahap penghasilan dan produktiviti pertanian kita dapat dipertingkatkan.

Antara keistimewaan di negara Jepun ialah mereka telah memperkenalkan makanan tengah hari untuk semua kanak-kanak di sekolah dan mereka telah menerapkan agar kanak-kanak di Jepun mengambil makanan barat dalam satu hidangan setiap hari. Ini bagi mengelakkan mereka bergantung sepenuhnya kepada nasi. Selain itu, mereka juga mempelbagaikan kegunaan beras kepada produk-produk makanan lain kerana kadar pengeluaran beras mereka mencapai 100 peratus.

Namun begitu, negara Jepun juga sedang mengalami masalah *'aging population'* dan juga kadar kelahiran semakin menurun. Oleh itu, mereka perlu bertukar dari pertanian tradisional kepada pertanian pintar dan ini diharapkan dapat menarik minat lebih ramai anak muda menyertai bidang pertanian. Di samping itu, Mr. Sasagawa Hiroyoshi juga turut memuji negara Malaysia yang kaya dengan sumber gas asli dan petroleum. Justeru, Malaysia perlu menggunakan kelebihan ini supaya dapat memajukan lagi bidang pertanian.

JKPK percaya dengan komitmen Kerajaan Perpaduan yang memberikan penekanan kepada aspek sekuriti makanan, Malaysia boleh menjalin hubungan yang lebih akrab dengan Jepun dalam sektor yang berkaitan dengan Sekuriti Makanan. Kita juga wajar menggunakan kesediaan Jepun untuk menawarkan diri mambantu Malaysia, untuk mempertingkatkan sekuriti makanan di Malaysia.



Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun memberikan kata alu-aluan



Pengerusi JKPK Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian Parlimen Malaysia memberikan kata alu-aluan



Delegasi JKPK bergambar kenangan bersama H.E. Mr. Sasagawa Hiroyoshi, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun

iii. Lawatan ke Bangunan National Diet of Japan dan Parliamentary Museum

Seterusnya, delegasi JKPK dibawa melawat ke sekitar bangunan National Diet. Memandangkan tiada persidangan berlangsung ketika itu, delegasi dibawa melawat ke House of Representatives namun hanya di bahagian atas.

The Constitution of Japan mengamalkan konsep pengasingan kuasa, the Diet, the Cabinet dan the Judiciary, sama seperti di Malaysia. Ini bagi menentukan proses semak dan imbang yang lebih efektif dalam sistem perlembagaan.

National Diet of Japan mempunyai dua Dewan iaitu The House of Representatives dan The House of Councillors, sama juga seperti di Malaysia yang mempunyai Dewan Rakyat dan Dewan Negara. The House of Representatives akan membuat keputusan muktamad di '*plenary sessions*'. Oleh itu, peranan jawatankuasa di National Diet Jepun adalah amat besar dalam menentukan sebarang keputusan atau polisi untuk rakyat Jepun.



House of Representatives of Japan

Terdapat dua jenis jawatankuasa; Jawatankuasa Tetap (*Standing Committees*) dan Jawatankuasa Pilihan (*Special Committees*) yang ditubuhkan melalui resolusi di dalam Dewan (*plenary session resolution*). Senarai Jawatankuasa Tetap adalah seperti berikut:

House of Representatives		House of Councillors	
Name of Committee	No. of Members	Name of Committee	No. of Members
Cabinet	40	Cabinet	22
Internal Affairs and Communications	40	General Affairs	25
Judicial Affairs	35	Judicial Affairs	21
Foreign Affairs	30	Foreign Affairs and Defense	21
Financial Affairs	40	Financial Affairs	25
Education, Culture, Sports, Science and Technology	40	Education, Culture and Science	21
Health, Labour and Welfare	45	Health, Welfare and Labour	25
Agriculture, Forestry and Fisheries	40	Agriculture, Forestry and Fisheries	21
Economy, Trade and Industry	40	Economy and Industry	21
Land, Infrastructure, Transport and Tourism	45	Land and Transport	25
Environment	30	Environment	21
National Security	30	Fundamental National Policies	20
Fundamental National Policies	30	Budget	45
Budget	50	Audit	30
Audit and Oversight of Administration	40	Oversight of Administration	35
Rules and Administration	25	Rules and Administration	25
Discipline	20	Discipline	10

Senarai Jawatankuasa Pilihan adalah seperti berikut:

House of Representatives		House of Councillors	
Name of Committee	No. of Members	Name of Committee	No. of Members
Disasters	35	Disasters	20
Political Ethics and Election Law	35	Official Development Assistance and Related Matters as well as Okinawa and Northern Problems	35
Okinawa and Northern Problems	25	Political Ethics and Election System	35
North Korean Abductions and Other Issues	25	North Korean Abduction Issue and Related Matters	20
Consumer Affairs	35	Regional Revitalization and Formation of a Digital Society	20
Reconstruction after Great East Japan Earthquake	40	Consumer Affairs	20
Investigation of Nuclear Power Issues	35	Reconstruction after the Great East Japan Earthquake	35
Special Committee for Regional Revitalization, Policies on Children, and Digital Society Promotion	35		

Ahli-ahli Jawatankuasa ini akan dilantik mengikut saiz parti yang diwakili dan juga atas pelantikan Speaker, selepas pelantikan mengikut setiap parti. Bilangan ahli di dalam Jawatankuasa Tetap adalah tertakluk kepada Article 92 of the Rules of the House of Representatives. Manakala nama-nama, bilangan ahli dan tujuan penubuhan Jawatankuasa Pilihan adalah ditentukan melalui resolusi di dalam Dewan. Seterusnya, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan akan dipilih pada '*plenary session*'.

Delegasi JKPK turut dibawa melawat Parliamentary Museum yang ditubuhkan pada tahun 1970 sempena ulangtahun yang ke-80 Parlimen Jepun. Tujuan penubuhannya adalah untuk memberi pendedahan kepada orang ramai tentang sistem demokrasi berparlimen di Jepun. Muzium ini memperkenalkan organisasi dan pengurusan Diet melalui pelbagai bahan dan video seterusnya mengumpulkan dan mempamerkan bahan-bahan yang berkaitan dengan sejarah kerajaan Parlimen dan negarawan yang telah membuat sumbangan besar kepada negara Jepun. Di sini, delegasi JKPK dapat mempelajari dengan lebih mendalam tentang sejarah dan perjalanan prosiding dalam House of Representatives.



Delegasi diberikan taklimat ringkas mengenai sejarah National Diet of Japan



Delegasi diberikan penerangan mengenai prosedur-prosedur di House of Representatives of Japan



Delegasi JKPK bergambar kenangan di Parliamentary Museum

iv. Mesyuarat bersama Mr. Suginaka Atsushi, Ketua Pengarah, Penyelarasan Dasar, Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan

Memandangkan hala tuju JKPK ini adalah mengenai isu sekuriti makanan, maka mesyuarat bersama kementerian ini sangat penting. Agenda mesyuarat ialah mengenai “*Food Security Policy in Japan*” manakala slaid pembentangan adalah seperti di **Lampiran C**. Sesi taklimat dan perbincangan dengan pihak kementerian menyentuh beberapa topik seperti berikut:

- 1) polisi mengenai makanan, pertanian dan kawasan pedalaman di Jepun;
- 2) kenaikan risiko import;
- 3) sekuriti makanan di Jepun;
- 4) pertanian pintar;
- 5) sekuriti makanan dalam keadaan kecemasan; dan
- 6) anjakan paradigma untuk polisi sekuriti makanan.

Jepun mengalami masalah penurunan populasi penduduk dan 80 peratus golongan petani di Jepun adalah berumur lebih daripada 60 tahun (*aging population*). Manakala Malaysia adalah pengeksport baja urea terbesar ke Jepun dalam usaha membantu petani di Jepun. Pada tahun 1998, Jepun adalah pengimport terbesar di dunia bagi hasil pertanian, perhutanan dan perikanan. Oleh itu, Jepun mempunyai pengaruh dalam menentukan harga. Namun, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, status Jepun dalam ekonomi global telah merosot sejak negara China mengambil kedudukan ini dari negara Jepun.

Walaupun tahap sara diri makanan juga rendah, Jepun masih boleh membeli makanan dari negara lain kerana kuasa beli tertentu. Namun begitu, dengan penurunan relatif dalam kuasa beli, Jepun telah menghadapi cabaran import yang stabil dan mengembangkan produk domestik. Di Jepun, jumlah penduduk yang menghadapi kesukaran mendapatkan makanan semakin meningkat dan ini menyebabkan kadar bilangan organisasi *food bank* juga meningkat.

Pertanian pintar ialah gabungan teknik pertanian dan teknologi canggih menggunakan robot, *artificial intelligence (AI)*, dan *internet of things (IoT)*. Negara Jepun telah pun menggunakan teknologi pintar dalam bidang pertanian seperti dron, robot penuaian dan penggunaan data.

Antara pelan tindakan sekuriti makanan di Jepun ialah:

- 1) mewujudkan jaminan makanan bagi setiap individu;
- 2) mentransformasikan pertanian konvensional kepada pertanian mampan dan industri makanan;
- 3) meningkatkan produktiviti pertanian lantaran penurunan petani profesional; dan
- 4) mengambil langkah-langkah penyelesaian kepada masalah penurunan populasi di kawasan pedalaman.

JKPK menghargai sesi penerangan yang amat informatif ini, kaedah dan pendekatan yang telah diamalkan di Jepun boleh dipertimbangkan oleh agensi-agensi yang berkaitan di Malaysia. Dalam sesi perbincangan dengan Mr. Suginaka ini, Ketua Delegasi dan anggota-anggota delegasi yang lain telah mengemukakan banyak soalan yang berkaitan pendekatan pertanian pintar dan moden di Jepun. Beliau telah memberikan penjelasan yang berkaitan dan menyatakan kesediaan Jepun untuk bekerjasama dengan agensi yang berkaitan di Malaysia.

Apa yang pasti adalah kejayaan Jepun memastikan peratusan produktiviti hasil pertanian yang tinggi, walaupun usia para petani dan pesawah semakin meningkat. Penggunaan pendekatan pertanian pintar telah berjaya mengimbangi dan mengatasi masalah usia penduduk yang semakin tua atau populasi penuaan.

JKPK berpendapat bahawa agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan boleh mengambil inisiatif untuk mengadakan sesi libatulus atau kerjasama dengan agensi yang berkaitan di Jepun. Apa saja pendekatan yang diamalkan di Jepun yang bersesuaian dengan keadaan di Malaysia, boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan di Malaysia.

Adalah dirumuskan bahawa penggunaan teknologi pintar di Jepun telah berjaya membantu Jepun mengekalkan kadar produktiviti yang tinggi dan mengatasi masalah yang mungkin timbul disebabkan oleh penuaan golongan petani.



Sesi perbincangan dua hala mengenai topik Sekuriti Makanan di Jepun



Ketua Delegasi menyerahkan cenderahati kepada Mr. Suginaka Atsushi, Ketua Pengarah Penyelarasan Dasar, Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan

v. Kunjungan Hormat ke atas H.E. Mr. Miyashita Ichiro, Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun


Seterusnya, delegasi JKPK telah berjaya mendapat peluang untuk bertemu dengan Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun, H.E. Mr. Miyashita Ichiro yang baru sahaja dilantik untuk memegang portfolio ini pada bulan September 2023. Ketua delegasi turut menyampaikan ucapan tahniah atas pelantikan ke jawatan ini.

H.E. Mr. Miyashita Ichiro turut menyatakan bahawa pada keesokan hari, 4 Oktober 2023 (Rabu) beliau akan melakukan lawatan kerja ke luar negara yang pertama sebagai Menteri, di mana destinasiya adalah Malaysia. Kehadiran beliau untuk menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pertanian dan Perhutanan (AMAF) Kali Ke-45 di Kuala Lumpur. Beliau dijangka akan bertemu dengan YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ketika berada di Kuala Lumpur.

Peluang keemasan ini adalah amat berharga kerana dalam sesi ini Ketua Delegasi JKPK dapat menyampaikan hasrat Malaysia untuk memperkukuhkan kerjasama strategik dengan negara Jepun terutamanya dalam bidang pertanian. Antara topik perbincangan ialah mengenai komitmen Malaysia untuk memperkukuhkan sekuriti makanan dan mempelajari tentang pertanian pintar di Jepun. Malaysia menyatakan sokongan kepada produk-produk makanan laut daripada Jepun kerana yakin negara Jepun sentiasa berusaha untuk menjaga kualiti dan keselamatan setiap produk yang diimport oleh Malaysia.

Seterusnya, Ketua Delegasi JKPK juga mempromosi produk-produk pertanian, khususnya buah-buahan tropikal dan berharap agar lebih banyak lagi produk-produk Malaysia dapat menembusi pasaran di Jepun. Cadangan ini telah diterima baik oleh HE Mr Miyashita, dan Menteri Jepun ini turut menyimpan hasrat untuk mengeratkan lagi hubungan antara Jepun dengan Malaysia dalam bidang pertanian sepanjang tempoh beliau menjadi Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun.

Kunjungan hormat ke atas Menteri ini pada asalnya hanya dijadualkan dalam masa 15 minit sahaja. Namun, H.E. Mr. Miyashita Ichiro sendiri telah begitu mesra dan memberikan pelbagai pandangan dan visi beliau, yang menjadikan kunjungan hormat ini berlangsung hampir 30 minit.



Ketua Delegasi, YB Tuan Cha Kee Chin bersalaman dengan Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun, H.E. Mr. Miyashita Ichiro



Perbincangan dua hala mengenai kerjasama strategik dalam bidang pertanian Malaysia dan Jepun

vi. Mesyuarat bersama Japan Co-operative Alliance (JCA) dan Co-op Deli

Pertemuan dan perbincangan delegasi JKPK dengan pihak Japan Co-operative Alliance diadakan pada 3 Oktober 2023 (Selasa), di bangunan Ibu pejabat Co-op Mirai dan Co-op Deli Consumers' Cooperative Union di Saitama City. Sesi taklimat ini membincangkan mengenai perkembangan koperasi pengguna di Jepun. Manakala topik perbincangan adalah "*Challenges and Vision of Japanese Co-operative Movement*".

Koperasi pengguna Jepun yang pertama telah ditubuhkan pada akhir abad ke-19 pada model Koperasi Perintis Rochdale. Pada penghujung 1040-an, koperasi pengguna tersebar di seluruh negara untuk menangani masalah kehidupan rakyat yang miskin selepas Perang Dunia Kedua. Mereka mengembangkan perniagaan mereka ke dalam kawasan pasar raya dan perkhidmatan penghantaran ke rumah untuk melindungi pengguna daripada inflasi dan memenuhi keperluan mereka berkenaan keselamatan makanan semasa pertumbuhan pesat ekonomi Jepun pada tahun 1960-an dan 70-an. Hari ini, koperasi pengguna mempunyai 30 juta ahli di seluruh Jepun dengan jumlah jualan melebihi 3.8 trilion yen.

Japan Co-operative Alliance (JCA) ditubuhkan pada bulan April 2018 yang merupakan salah satu badan sektor koperasi di Jepun yang merangkumi 19 ahli (persekutuan kebangsaan koperasi, pertanian, perikanan, perhutanan, kepenggunaan, pekerja dan sebagainya). Misi JCA ialah untuk berfungsi sebagai perkembangan sektor koperasi yang menyumbang kepada mewujudkan kehidupan dan pekerjaan yang lebih baik dalam komuniti tempatan yang mampan.

Antara ciri-ciri menarik yang dipelajari dari koperasi Jepun ialah mereka menawarkan perkhidmatan penghantaran percuma kepada semua ahlinya. Dengan ini ia dapat menarik lebih ramai ahli dan seterusnya dapat memajukan lagi industri koperasi di Jepun. Selain itu, JCA juga turut menghimpunkan pelbagai sektor perniagaan di bawah naungannya dan ini dapat mengukuhkan lagi industri koperasi yang kian berkembang di Jepun.



Perbincangan mengenai perkembangan koperasi pengguna di Jepun

Delegasi JKPK turut dibawa melawat ke salah satu pasaraya koperasi di bawah naungan JCA iaitu Co-op Deli yang terletak bersebelahan dengan bangunan ibu pejabat JCA. Co-op Deli merupakan sebuah pasaraya besar yang menghantar barangan runcit terus kepada pelanggan sekali seminggu mengikut keperluan pelanggan. Selain makanan, mereka menawarkan pelbagai barangan seperti barangan rumah, pakaian dan lain-lain. Mereka juga menawarkan makanan organik dan gourmet serta makanan istimewa dari seluruh Jepun.



Pasaraya Co-op Deli yang menawarkan pelbagai barangan kepada pengguna



Delegasi JKPK diberi penerangan mengenai produk-produk yang dijual di Co-op Deli



Beras Jepun yang dijual di pasaraya Co-op Deli



Delegasi JKPK diberi penerangan mengenai produk-produk makanan yang dijual di dalam Co-op Deli



Antara buah-buahan segar yang dijual di pasaraya Co-op Deli



Delegasi JKPK melihat barang-barang yang dijual di dalam pasaraya Co-op Deli



Delegasi bergambar kenangan dengan wakil Japan Co-operative Alliance

vii. Kunjungan Hormat ke atas YBhg. Dato' Shahril Effendi Abd Ghany, Duta Besar Malaysia ke Jepun

Sesi pertemuan delegasi JKPK bersama dengan Duta Besar Malaysia ke Jepun, YBhg. Dato' Shahril Effendi Abd Ghany berlangsung pada hari Rabu, 4 Oktober 2023 di pejabat Embassy of Malaysia, di Shibuya, Tokyo. Pertemuan ini hanya melibatkan Ahli-ahli JKPK dan Konsular Pertanian, Encik Jaswan bin Mulop yang menyelaras perjalanan lawatan kerja ini.

Antara topik perbincangan pertemuan ini ialah mengenai *bilateral relationship* antara negara Jepun dan Malaysia. Ketua Delegasi JKPK telah menerangkan mengenai objektif lawatan iaitu untuk mempelajari tentang pertanian pintar di Jepun dan pergerakan sepanjang berada di Tokyo, Jepun.

Ketua Delegasi JKPK juga sempat berkongsi mengenai pertemuan bersama Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun, H.E. Mr. Miyashita Ichiro yang berlangsung pada 3 Oktober 2023 dan berharap agar kerjasama strategik ini dapat membuahkan hasil dan memberi manfaat buat kedua-dua negara.

JKPK turut merakamkan ucapan penghargaan kepada Kedutaan Malaysia dan En Jaswan Bin Mulop, Konsular Pertanian yang ditempatkan di Kedutaan Malaysia kerana telah membantu dan menyelaras lawatan kerja JKPK di Jepun.



Pertemuan delegasi JKPK bersama YBhg. Dato' Shahril Effendi Abd Ghany, Duta Besar Malaysia ke Jepun

viii. Mesyuarat bersama KI Fresh Access Inc. (KIFA)

Pertemuan delegasi JKPK dengan pihak pengurusan syarikat KIFA diadakan pada 4 Oktober 2023 (Rabu) di pejabat KIFA, Chiyoda-ku, Tokyo. Topik perbincangan adalah “*KI Fresh Access, Fresh Vegetable and Fruit Business as a non-public market player*”. KIFA ditubuhkan pada 1 Oktober 1998 dan merupakan sebuah syarikat pemborong produk-produk pertanian yang segar dan produk proses. KIFA menjadi orang tengah di antara pembekal, peruncit dan pengguna. Produk-produk utama yang diimport oleh KIFA ialah pisang, kiwi dan nanas. Manakala produk-produk sampingan ialah buah oren, anggur, avocado, tembikai, tomato dan brokoli.

Syarikat ini dipilih kerana ia merupakan sebuah syarikat yang menggunakan sistem perisian berteknologi untuk menguruskan operasi logistik dengan lebih sistematik. Daripada sesi penerangan yang diberikan oleh pihak pengurusan KI Fresh Access Inc, adalah jelas bahawa syarikat mempunyai rangkaian penjualan dan pengedaran yang besar dan menyeluruh. Rangkaian yang menyeluruh ini telah menjadi syarikat ini menjadi antara pemain utama (main player) dalam pengedaran buah-buahan di Jepun.

Pada ketika ini, syarikat ini tidak mengimport apa-apa buah-buahan tropikal dari Malaysia. Buah-buahan pisang dan nanas yang menjadi antara produk-produk utama yang diimport oleh syarikat ini, bukan berasal dari Malaysia. Pada ketika ini, pisang diimport sepenuhnya dari negara Filipina, manakala nanas dari Vietnam dan Filipina.

Selain daripada nanas dan pisang, Malaysia yang pengeluar tembikai yang turut diimport oleh syarikat ini dari Filipina. Apa yang jelas adalah syarikat ini telah membentuk rangkaian perniagaan yang kukuh dengan syarikat pengeksport di Filipina, iaitu syarikat ini telah mengimport pisang dan nanas dalam kuantiti yang sangat besar.

Delegasi JKPK juga mengambil kesempatan dalam sesi perbincangan untuk mempromosikan buah-buahan tempatan. JKPK turut menegaskan bahawa Malaysia juga boleh mengeluarkan dan mengeksport nanas, pisang dan tembikai. Malahan, JKPK turut mencadangkan kepada syarikat ini supaya memberikan peluang kepada buah-buahan dari Malaysia.

Cadangan JKPK ini telah disambut dengan respons yang positif oleh syarikat ini. Syarikat ini telah menyatakan kesediaan untuk menerima buah-buahan daripada Malaysia kerana permintaan dari penduduk negara Jepun semakin meningkat. Memandangkan pengeluaran buah-buahan daripada negara Filipina juga semakin menurun, ini membuka peluang pasaran yang baharu buat Malaysia untuk memasarkan buah-buahan seperti pisang dan nenas ke negara Jepun.

Bermula dengan titik pertemuan antara syarikat ini dengan JKPK yang turut disertai oleh Konsular Pertanian KPKM di Jepun, JKPK percaya buah-buahan Malaysia mempunyai peluang untuk menembusi pasaran Jepun. JKPK percaya jika ada pendekatan dan strategi yang tepat, tidak mustahil buah-buahan seperti pisang, nenas dan tembikai dapat menembusi pasaran di Jepun. Namun, sebelum keadaan ini berlaku, sejauh manakah kemampuan kita menghasilkan buah-buahan ini dalam kuantiti yang besar dan menepati kualiti yang diperlukan di Jepun akan menjadi pokok kejayaan kita.



Barisan wakil pengurusan syarikat KI Fresh Access Inc. (KIFA)



Delegasi JKPK diberi taklimat oleh syarikat KI Fresh Access Inc. Japan



Penyerahan cenderahati kenangan kepada Mr. Daisuke Fukushima, Director (Logistics) selepas sesi taklimat


ix. Mesyuarat bersama National Agriculture and Food Research Organization (NARO)

Sesi taklimat dimulakan dengan pengenalan tentang NARO oleh Dr. Katsuka Masumi, Vice President of NARO. NARO adalah sebuah organisasi penyelidikan dan pembangunan untuk sektor sains pertanian dan makanan yang terbesar di Jepun. Matlamat NARO adalah untuk menghasilkan penyelidikan bertaraf dunia dan merealisasikan inovasi berimpak besar kepada industri dan masyarakat di peringkat global.

NARO telah ditubuhkan pada tahun 1893 sebagai stesen eksperimen seterusnya NARO berkembang dengan mengintegrasikan institusi penyelidikan eksperimen Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan. NARO menjalankan aktiviti R&D untuk pembangunan industri pertanian dan makanan Jepun. Untuk sesi pertama, delegasi JKPK telah diberi taklimat oleh Dr. Kawashima Hiroki, Administrator, Sustainable and Smart Agri-food Systems mengenai pertanian pintar (Smart Agriculture). Negara Jepun telah mengamalkan pertanian pintar sejak tahun 2016 menggunakan teknologi robotik, *Big Data*, *the Internet of Things (IoT)*, dan *Artificial Intelligence (AI)*.

Antara isu-isu dalam pertanian pintar ini ialah bilangan ladang yang semakin menurun iaitu sebanyak 63 peratus pada tahun 2030 kelak. Justeru, negara Jepun telah giat mengamalkan '*smart farming*' dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti secara drastik. Pertanian pintar akan membawa banyak kebaikan seperti berikut:

- a) mengurangkan beban kepada para petani;
- b) kerja-kerja pertanian menjadi lebih mudah dan tidak merbahaya;
- c) penggunaan data yang lebih menyeluruh;
- d) ramalan cuaca yang lebih tepat dan memudahkan kerja-kerja petani; dan
- e) meningkatkan sekuriti makanan dan menyumbang kepada persekitaran yang lebih baik.



Gambar menunjukkan bagaimana teknologi robot tractor dapat membantu dalam kerja-kerja penanaman padi di Jepun

Di Jepun, teknik penanaman padi telah berinovasi dengan menggunakan *remote sensing water management system*. Oleh itu, mereka tidak memerlukan lagi tenaga manusia dan ini dapat meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos tenaga buruh. Selain itu, penggunaan dron juga sangat penting dalam pertanian pintar di Jepun.

Seterusnya, bagi sesi kedua, delegasi JKPK telah diberi taklimat '*Smart Dairy Farming*' oleh Dr. Sudo Kenji, Manager, Division of Dairy Production Research. Di Jepun, kebanyakan ladang lembu mempunyai bilangan penternak yang sedikit kerana mereka telah lama menggunakan teknik penternakan tenusu pintar. Antara kemajuan yang telah dijalankan di Jepun ialah menggunakan teknologi *artificial intelligence (AI)* untuk menjangka jumlah pengeluaran susu dan juga mengenal pasti penyakit kepada lembu dengan lebih awal. Sebagai contoh, sekiranya jumlah pengeluaran berkurangan berbanding dengan jangkaan, penternak boleh mengetahui bahawa lembu-lembu tersebut mempunyai isu penyakit.

Selain itu, menerusi sistem automasi yang canggih, penternak dapat mengenalpasti lokasi setiap lembu dan dapat melihat secara langsung keadaan setiap lembu yang dijaga di ladang ternakan tersebut.

Delegasi JKPK dibawa ke Tsukuba Agriculture Research Hall untuk melihat sendiri hasil penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan oleh NARO seperti berikut:

- a) Tayangan video berkenaan hasil penyelidikan NARO;
- b) Pertanian pintar untuk pemulihan Jepun;
- c) Perkembangan variasi padi;
- d) Perkembangan variasi gandum untuk mengatasi masalah sara diri;
- e) Variasi tanah di Jepun dan pengedarannya;
- f) Institusi penyelidikan yang melindungi manusia dan haiwan;
- g) Penyelidikan mengenai tanaman buah-buahan dan variasi tanaman teh;
- h) Tanaman kekwa biru pertama di dunia;
- i) Pembangunan bahan baharu menggunakan ulat sutera;
- j) Penyelidikan untuk mengurangkan pemanasan global;
- k) Pembangunan luar bandar dan tindak balas bencana; dan
- l) Muzium Teknologi Pertanian.

JKPK sangat menghargai sesi perbincangan dan lawatan ke NARO. NARO telah menjadi kunci kepada penyelidikan dan pembangunan pertanian pintar di negara Jepun. Usaha berterusan daripada NARO telah membolehkan Jepun sentiasa mempunyai hasil pertanian yang tinggi dan mampu menampung keperluan seramai 125 juta penduduknya.

JKPK turut menghargai pengurusan NARO yang telah menunjukkan contoh-contoh hasil penyelidikan dan kajian mereka. Pengamatan daripada lawatan ke pusat penyelidikan ini jelas menunjukkan NARO adalah agensi yang amat cemerlang dalam melaksanakan tanggungjawab penyelidikan dan kajiannya. Malahan, NARO menjadi kunci kepada kejayaan Jepun untuk mengurangkan kebergantungan makanan yang diimport dari negara asing.

Di Malaysia, kita mempunyai Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang mempunyai peranan yang setara dengan NARO. MARDI telah melaksanakan tugas penyelidikan sektor pertanian di Malaysia. JKPK mencadangkan bahawa MARDI membentuk kerjasama yang lebih erat dengan NARO. Walaupun telah ada kerjasama sejak sekian lama, namun tahap kerjasama boleh dipertingkatkan lagi. Di antara bidang atau tanaman yang boleh membentuk kerjasama erat dan mempelajari kaedah NARO ialah hasil penyelidikan tentang padi dan beras. NARO berjaya menghasilkan baka benih padi yang boleh menghasilkan *yield* yang tinggi dan membantu dalam memastikan '*self supply*' beras di Jepun melebihi 100 peratus.

Kejayaan NARO dalam menjadi beras sebagai bahan mentah untuk pembuatan roti, bagi menggantikan gandum yang diimport dari Amerika Syarikat, adalah suatu kejayaan yang boleh dibelajari oleh MARDI dan agensi lain. Kejayaan ini turut menunjukkan kesungguhan Jepun dalam memaksimumkan penggunaan bahan tempatan dalam penghasilan makanan. Ini selaras dengan teras dalam sekuriti makanan, iaitu mengurangkan kebergantungan kepada bahan makanan yang diimport.

Selain itu, kejayaan NARO dalam menghasilkan mesin dan peralatan yang terlibat dengan pertanian pintar juga merupakan bidang yang boleh dijadikan rujukan oleh bidang pertanian di negara kita. Peralatan moden yang dihasilkan oleh NARO telah memastikan hasil pertanian di Jepun sentiasa dalam keadaan yang tinggi dan mencapai sasaran keperluan penduduknya. Aplikasi pertanian pintar telah memastikan Jepun kekal menghasilkan makanan yang mencukupi untuk penduduknya, walaupun menghadapi masalah petani dan pesawah yang semakin menua.



Delegasi JKPK dibawa ke ruang pameran dan diberi taklimat ringkas oleh Dr. Katsuka Masumi, Vice President of NARO



Delegasi JKPK bergambar kenangan dengan pihak NARO

x. Mesyuarat bersama Syarikat SD Impex Japan Co. Ltd. (SDIJ)

JKPK telah mengadakan perbincangan bersama syarikat SD Impex Japan Co., Ltd. (SDIJ) pada 5 Oktober 2023 (Khamis), di bangunan ibu pejabat SDIJ di Nagoya. Sesi perbincangan dan pembentangan oleh SDIJ diketuai oleh Dr. Muhammad Amiruddin Abd Wahab selaku Pengarah Urusan. Syarikat ini dipilih oleh pihak Konsular Pertanian di Jepun kerana ia memasarkan produk-produk Malaysia ke Jepun dan ia juga menepati salah satu komponen JKPK ini, iaitu perdagangan dalam negeri.

SDIJ adalah sebuah syarikat *export management company (EMC)* yang ditubuhkan pada bulan Julai 2020 yang menjalankan aktiviti pemasaran makanan runcit dan borong, perniagaan restoran dan katering. Syarikat ini memilih negara Jepun sebagai destinasi pasaran kerana Jepun merupakan negara ketiga terbesar dari segi Gross Domestic Product (GDP) di dunia.

Selain itu, negara Jepun juga merupakan negara keempat terbesar dari segi kuasa membeli di dunia. Dengan populasi yang besar sebanyak 125 juta penduduk, Jepun menjadi satu lokasi strategik untuk membawa masuk produk-produk di Malaysia. SDIJ menyifatkan negara Jepun merupakan peluang keemasan di mana permintaan produk makanan *ready-to-eat (RTE)*, *ready-to-cook (RTC)* dan *ready-to-drink (RTD)* sangat tinggi di kalangan penduduk Jepun. Hal ini membuka peluang kepada pengusaha produk makanan tempatan untuk meningkatkan kualiti produk makanan mereka supaya menepati standard dan keperluan antarabangsa. Selain itu, ia juga membuka kerjasama dengan para peniaga dan pengedar produk makanan di Jepun. Justeru, ini dapat merancakkan lagi industri makanan dan seterusnya dapat memenuhi keperluan dan sekuriti makanan.

Menerusi syarikat SDIJ, produk agromakanan negara mampu menembusi pasaran antarabangsa melalui pemerkasaan jenama tunggal, MyKitchen. Inisiatif penjenamaan tunggal di bawah satu jenama ini merupakan satu lagi pendekatan pemasaran yang dibuat oleh syarikat ini bagi menembusi produk-produk tempatan yang berasaskan agromakanan ke negara-negara tertentu contohnya Jepun.

Produk-produk makanan daripada Malaysia ini jika dipromosikan secara individu akan mengambil masa yang lama dan memerlukan dana yang besar tetapi pendekatan melalui satu jenama tunggal yang dibuat ini akan mempercepatkan promosi produk-produk keluaran negara Malaysia.

Selepas beberapa hari ini Jepun, inilah kali pertama rombongan JKPK diberikan taklimat akan produk Malaysia dapat menembusi pasaran Jepun. JKPK rasa berbesar hati dengan inisiatif yang diambil oleh Dr. Muhammad Amiruddin dan syarikat SD Impex Japan Co., Ltd.

Walaupun menggunakan pendekatan penjenamaan semula, iaitu tidak menggunakan jenama asal produk tersebut di Malaysia, sebaliknya menggunakan jenama MyKitchen sebagai jenama tunggal untuk semua produk makanan dari Malaysia. Namun, adaptasi ini membuktikan bahawa produk makanan Malaysia berpotensi menembusi pasaran Jepun.

Kejayaan menembusi pasaran tempatan di Jepun amat mustahak dan boleh memberikan lonjakan keuntungan kepada produk makanan Malaysia. Ia juga membantu Industri Makanan PKS kita menembusi pasaran antarabangsa.

Pendekatan SDIJ yang berjaya melakukan pembungkusan semula produk makanan, agar ianya menepati cita rasa dan keperluan pasaran di Jepun. Pendekatan yang bijak yang dilakukan ini, merupakan suatu pendekatan yang mudah dan tidak menelan kos yang banyak, sebaliknya ia berjaya menembusi pasaran runcit di Jepun yang mempunyai kuasa membeli yang sangat besar.

Kepelbagaian produk yang dihasilkan oleh PKS dari kawasan luar bandar mendapat peluang dengan adanya platform yang disediakan oleh SDIJ ini. Strategi pemasaran yang berkesan merupakan masalah yang dihadapi oleh PKS kita sejak sekian lama. Masalah ini telah merencatkan pembangunan dan kemajuan PKS kita, walaupun berkemampuan untuk menghasilkan produk makanan yang unik dan menepati citarasa ramai pengguna.

Adalah dicadangkan agar agensi-agensi yang berkaitan supaya membantu dalam mewujudkan lebih banyak syarikat seperti SDIJ, yang akan membantu PKS di Malaysia untuk menembusi pasaran antarabangsa. Kejayaan PKS akan melonjakkan pembangunan negara khususnya di luar bandar dan ia akan meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar di negara kita.



Delegasi JKPK mendengar taklimat daripada Pengarah Urusan SD Impex Japan Co., Ltd.



Delegasi JKPK bergambar kenangan dengan Pengarah Urusan dan kakitangan syarikat SD Impex Japan Co. Ltd.

xi. Lawatan ke Togokusan Fruits Park, Nagoya

Delegasi JKPK telah berpeluang melawat ladang buah-buahan, Taman Buah-buahan Togokusan di Nagoya pada sebelah petang, 5 Oktober 2023 (Khamis). Taman Buah-buahan Togokusan terletak di kaki Gunung Togoku (198.3 meter dari aras laut) di pinggir bandar timur laut Nagoya. Taman Buah-buahan Togokusan dibuka pada tahun 1980 dan merupakan salah satu daripada tiga taman pertanian serba guna milik Bandar Nagoya. Matlamatnya adalah untuk menyediakan penduduk bandar tempat di mana mereka boleh menikmati perjalanan melihat dan mengkaji buah-buahan di ladang sambil membantu mempromosikan buah-buahan bandar.

Terdapat 15 jenis buah yang popular seperti pear, epal, limau yang ditanam di kawasan ladang buah. Selain itu, terdapat juga Rumah Hijau Buah Tropika Dunia menyediakan peluang unik untuk memerhati kira-kira 100 jenis pokok buah nadir tropika dan subtropika. Dalam lawatan ini, delegasi JKPK turut berpeluang meninjau pengurusan ladang buah-buahan yang sistematik, dengan penggunaan teknologi untuk pengurusan. Pendekatan yang digunakan ini tberjaya mengatasi masalah penuaan di kalangan masyarakat Jepun.

Selain itu, JKPK turut diberikan penerangan tentang kesungguhan tinggi masyarakat untuk menghasilkan jenis buah-buahan yang sesuai ditanam dan dihasilkan di Jepun. Kesungguhan ini jelas menunjukkan bahawa negara Jepun mahu mengurangkan kebergantungan makanan yang diimport ke tahap yang paling minima.

Konsep di ladang ini yang turut merangkumi aspek pendidikan dan penyelidikan dalam bidang pertanian, konsep yang hampir sama dengan Taman Agro yang diuruskan oleh MARDI di negara kita. JKPK berpandangan Taman Agroteknologi MARDI boleh ditambah baik dan diusahakan dengan suntikan dana tambahan, agar ia menjadi tarikan pelbagai pihak, termasuk golongan pelajar dan para pelancong.

JKPK percaya potensi taman buah-buahan tropika di negara kita amat luas dan perlu diberikan fokus untuk pembangunan yang sistematik, agar ia menjadi satu sumber ekonomi yang dapat memajukan negara kita. Ia bukan sahaja akan membatu dalam bidang pertanian, tetapi turut memajukan bidang penyelidikan, pendidikan dan agro-pelancongan.



Delegasi diberi penerangan tentang teknologi Rumah Hijau Buah Tropika Dunia



Delegasi JKPK dibawa ke ladang buah-buahan dan berpeluang memetik sendiri buah limau

xii. Lawatan ke Second Harvest Japan

Lawatan ke Second Harvest Japan diadakan pada 6 Oktober 2023 (Jumaat) bertujuan melihat lebih dekat usaha sebuah '*non-profit organization*' untuk membantu golongan yang memerlukan di Jepun. Organisasi ini merupakan sebuah NGO yang menjalankan aktiviti *food bank* merupakan di antara perkara yang terletak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Lawatan ini turut disertai oleh delegasi KPDN yang diketuai oleh YBhg. Dato' Azman bin Adam.

Second Harvest Japan adalah organisasi *food bank* pertama yang diperbadankan di Jepun, yang telah bekerjasama dengan pelbagai syarikat dan orang awam untuk mewujudkan aset awam baharu, jaringan keselamatan makanan supaya setiap orang akan mendapat akses kepada makanan dalam komuniti mereka sendiri.

Ia ditubuhkan pada 11 Mac 2002 oleh Mr. Charles McJilton, seorang rakyat Amerika Syarikat dengan misi "Bekerja dengan orang lain untuk mencipta jaringan keselamatan makanan supaya semua orang mendapat sumber makanan".

Second Harvest Japan ini mempunyai 12 orang pekerja tetap dan 6 orang pekerja sambilan. Namun, kekuatan yang ada pada Second Harvest Japan adalah ia turut disokong oleh para sukarelawan yang hadir untuk membantu pada hari-hari tertentu apabila aktiviti pengagihan makanan dijalankan. Ketika lawatan, delegasi JKPK berkesempatan melihat sendiri kehadiran para sukarelawan yang hadir dan melakukan tugas-tugas masing-masing sebelum waktu pengagihan barangan keperluan bermula. Selain itu, Second Harvest Japan telah menyokong untuk membuka pantri makanan dan bilangan pantri makanan terus meningkat secara berterusan di wilayah Tokyo, Kanagawa dan Saitama.

Warehouse	
Name	Saitama Warehouse
Specifications	• Able to accommodate vehicles up 10-tons • Standing forklift • 4-tier pallet racks with a capacity of 100 pallets • Walk-in refrigerator and freezer units • Dedicated to handling large-volume, commercial donations



Salah satu kemudahan warehouse yang ada di Second Harvest Japan

Selain itu, Second Harvest Japan telah menyokong untuk membuka pantri makanan dan bilangan pantri makanan terus meningkat secara berterusan di wilayah Tokyo, Kanagawa dan Saitama. Disebabkan oleh pelbagai fenomena seperti penyakit berjangkit, kenaikan harga komoditi harian, bencana alam dan lain-lain, adalah dijangka permintaan untuk sokongan makanan masih tinggi di seluruh negara.

Seterusnya, Second Harvest Japan terus berusaha untuk mewujudkan jaringan keselamatan makanan melalui kerjasama dengan pelbagai pemegang taruh di Jepun. Di antara pendekatan Second Harvest Japan yang murni dan boleh diteladani oleh kita adalah, mereka mengedarkan barangan makanan yang berlebihan kepada badan *food bank* yang lain. Pendekatan ini membolehkan badan *food bank* yang lain, khususnya yang boleh saja ditubuhkan, boleh mendapat barangan keperluan untuk diagihkan kepada golongan sasaran.


Pendekatan yang dilaksanakan oleh Second Harvest Japan telah membuka rangkaian yang meluas untuk membantu golongan sasaran di Jepun, kerana ia membolehkan inisiatif *food bank* dapat dikelola oleh lebih banyak badan dan menjadi antara entiti penting dalam masyarakat.

Turning “mottainai” into “arigato”

“I have all these canned goods at home that I never get around to eating...”

“I recieved this tea and these snacks as a gift,
but my family and I will never eat them all...”

Do you ever find yourself saying these sort of things?



Food drives are programs designed to encourage people to bring food that they have laying around their houses to their schools or workplaces, from where this food can be gathered and sent to people in need. Second Harvest Japan uses food gathered from food drives to support individuals in need as well as the the agencies, non-profit organizations, support shelters and other organizations that serve them.



Antara buah-buahan yang akan diagihkan kepada penerima sumbangan



Ketua Delegasi JKPK menyampaikan cenderahati kepada pihak Second Harvest Japan

xiii. Lawatan ke Shibayama Farm Co. Ltd.

Destinasi terakhir lawatan kerja JKPK ini adalah Shibayama Farm Co. Ltd. pada 6 Oktober 2023 (Jumaat). Wilayah Chiba, yang mempunyai iklim yang hangat dan tanah yang subur. Kawasan ini telah lama menjadi pengeluar utama produk ladang untuk menyokong dapur ibu kota Jepun, Tokyo.

Lokasi ini dipilih kerana ia mengamalkan sistem pertanian pintar di mana sayur-sayuran ditanam dengan teliti di ladang yang kaya dengan khasiat dan mempunyai rasa yang luar biasa. Tanaman utama di Shibayama Farm itu ialah keledak manis berwarna ungu yang dijual di pasaran tempatan Jepun dan dieksport ke Malaysia, Singapura, Thailand dan negara-negara lain.


Antara tanaman yang subur ditanam di ladang Chiba ini ialah keledak berwarna ungu. Delegasi JKPK dibawa ke tempat penyimpanan keledak tersebut yang melalui proses 'aging' yang perlu disimpan untuk tempoh tiga bulan supaya rasanya lebih sedap dan manis. Tanaman keledak ini dibuat secara *smart farming* atau pertanian pintar dimana petani moden yang mahir dan terlatih dapat menghasilkan keledak yang manis, hasil produktiviti yang tinggi, saiz keledak yang hampir sama mengikut cita rasa rakyat sesebuah negara pengimport dan standard kualiti unggul untuk pasaran global.

Daripada pengamatan JKPK sepanjang lawatan kerja ke ladang ini, JKPK mendapati bahawa ladang ini telah mengamalkan pertanian pintar dalam 2 segmen yang berbeza. Pertama, penggunaan teknik penanaman yang canggih dengan mengamalkan aplikasi teknologi, iaitu kaedah yang mengurangkan penggunaan sumber manusia, memandangkan negara Jepun menghadapi masalah penuaan masyarakat. Dengan penggunaan teknologi dalam proses penanaman, penyiraman air dan penuaian, ladang ini tidak menghadapi kekurangan pekerja. Malahan, tiada pekerja asing di ladang ini.

Kedua, proses 'aging' atau penuaan untuk keledak yang telah dituai. JKPK dimaklumkan bahawa keledak yang telah dituai tidak boleh dipasarkan dengan segera, sebaliknya ia perlu melalui proses penuaan selama 4 bulan, untuk membolehkan keledak mencapai rasa yang paling digemari oleh pasaran.

Proses penuaan di dalam gudang yang dilengkapi dengan alat pengawal suhu dan kelembapan. Faktor kelembapan dan suhu dalam gudang akan menentukan rasa keledak selepas 4 bulan berada di dalam gudang.

Oleh kerana masalah cuaca, delegasi JKPK tidak dibawa melawat ke kawasan penanaman keledak, tetapi delegasi JKPK telah dibawa ke gudang penyimpanan keledak. Delegasi juga turut diberikan penerangan akan kaedah yang digunakan di dalam gudang untuk memastikan keledak dapat disimpan dengan baik dan mewujudkan rasa yang paling digemari di pasaran.



Delegasi JKPK diberikan taklimat mengenai teknologi pertanian pintar di ladang Chiba



Delegasi JKPK diberikan penerangan mengenai cara penyimpanan keledek ungu



Delegasi JKPK dibawa ke warehouse di mana keledek ungu telah sedia untuk dihantar ke pasaran

BAHAGIAN III

PEMERHATIAN DAN SYOR JAWATANKUASA

Setelah mengkaji dan melawati tempat-tempat yang dirancang semasa lawatan kerja, maka Ahli-Ahli Jawatankuasa telah membuat pemerhatian seperti berikut:

A. PEMERHATIAN UMUM

1. Dalam lawatan kerja JKPK Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian ke Jepun, delegasi JKPK telah melakukan banyak sesi pertemuan dengan wakil daripada pelbagai latar belakang di Jepun. Secara amnya, banyak info yang berkaitan telah diperolehi dan amat berguna untuk JKPK.
2. Pertemuan delegasi JKPK dengan pihak Food Security Office, Ministry of Agriculture, Forestry and Fisheries (MAFF) dan beberapa organisasi dalam membincangkan perkara berkaitan isu sekuriti makanan, pertanian, rantai perdagangan, dan bekalan makanan dunia, memberi perspektif baharu terhadap bagaimana fungsi JKPK Parlimen boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan.
3. Hasil dan dapatan pertemuan serta perbincangan bersama organisasi ini serta lawatan ke pusat-pusat penyelidikan organisasi seperti National Agriculture and Food Research Organization (NARO) mampu memberi nilai tambah kepada peranan Ahli Parlimen serta Jawatankuasa Pilihan Khas, terutamanya ilmu-ilmu baharu yang terkini dalam perkara perbincangan. Syor-syor atau cadangan yang dikemukakan juga turut membantu Ahli Parlimen serta Jawatankuasa Pilihan Khas melaksanakan penelitian terhadap isu-isu yang berbangkit dengan lebih efektif.
4. Peranan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen, walaupun boleh dikatakan masih baharu di negara ini, namun telah mendapat pengiktirafan sewajarnya sepanjang lawatan kerja kali ini. Kesemua pihak yang ditemui ketika lawatan kerja telah memberikan pengiktirafan kepada JKPK. Malahan, Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun sendiri telah bertemu dengan

JKPK, walaupun beliau mempunyai jadual yang padat. Selain itu, pertemuan bersama Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pertanian, Perhutanan dan Perikanan, House of Representatives of Japan juga memperlihatkan bahawa pihak National Diet of Japan amat memandang berat lawatan kerja ini. Malahan berdasarkan pertemuan ini, peranan JKPK ini boleh diperkukuhkan lagi melalui kerjasama strategik antara Malaysia dan Jepun.

5. Lawatan kerja ini berjaya membuka peluang-peluang baharu buat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam usaha membawa masuk lebih banyak produk-produk pertanian ke Jepun. Selain itu, ia juga dapat membantu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dalam usaha menangani masalah kos sara hidup di Malaysia dengan menubuhkan foodbank seperti yang dilakukan oleh Second Harvest Japan.
6. Lawatan kerja ini juga bertindak sebagai pembuka jalan untuk ketiga-tiga kementerian di bawah tanggungjawab JKPK ini supaya mengambil langkah susulan untuk menangani masalah yang dihadapi oleh negara.

B. PEMERHATIAN YB HULU TERENGGANU

7. Lawatan agak berjaya dengan program-program yang dirancang dapat dipenuhi dengan jayanya. Pertemuan delegasi JKPK dengan organisasi dalam membincangkan perkara berkaitan isu sekuriti makanan, pertanian, rantai perdagangan dan bekalan makanan dunia memberi perspektif baharu yang boleh dijadikan panduan dan diaplikasikan dalam sektor berkenaan di negara kita. Ini juga akan membolehkan JKPK menjalankan fungsinya dengan lebih berkesan dalam membantu kerajaan menumpukan usaha penyelesaian terhadap isu-isu membabitkan kepentingan rakyat.
8. Lokasi lawatan bersesuaian dengan JKPK contohnya lawatan ke *foodbank*, koperasi dan penanaman padi menggunakan teknologi. Pemilihan lokasi lawatan sangat bertepatan dengan portfolio JKPK, sekali gus membolehkan Ahli Jawatankuasa mengambil dan berkongsi input-input baharu dan penting yang boleh menambah baik fungsi dan peranan kerajaan dalam sektor-sektor terbabit dengan lebih efektif. Ia mampu memberi nilai tambah kepada peranan Ahli Parlimen serta JKPK menerusi perkongsian maklumat baru secara dua

hala. Ini akan dapat membantu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dalam menambah baik program *foodbank* terutama dalam membantu meringankan tekanan kos sara hidup rakyat yang sangat menekan ketika ini.

9. Paling berkesan ialah lawatan ke EMC di Nagoya dapat mengetahui halangan atau kaedah untuk barangan tempatan menembusi pasaran Jepun. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk memartabatkan barangan buatan tempatan, lawatan ini amat bertepatan dan dapat mencungkil idea atau pendekatan baharu serta terkini untuk terus giat membantu pertumbuhan perindustrian kecil dan sederhana secara lebih cekap dan berkesan. Dalam negara dan dunia berdepan kemelesetan ekonomi, input dan ilmu yang diperoleh hasil daripada lawatan ini boleh membantu kerajaan merangka perancangan yang lebih komprehensif dan dinamik untuk memacu perusahaan barangan tempatan. Ini juga membolehkan jawatankuasa menilai segmen pasaran dan piawaian yang akan membolehkan produk Malaysia menembusi pasaran Jepun.
10. Jepun berjaya dengan cemerlang dari segi koperasi dan pertanian walaupun tanpa subsidi. Perancangan melaksanakan subsidi bersasar oleh kerajaan Malaysia wajar mengambil kira pengukuhan ekonomi menerusi pemantapan fungsi koperasi dan pertanian yang membolehkan rakyat menikmati hasil pada kadar harga berpatutan dan rendah walaupun tanpa subsidi.
11. Masyarakat Jepun sangat menghormati masa. Disiplin yang patut dipupuk sedari awal supaya menjadi sebahagian amalan dan budaya hidup rakyat di negara ini. Disiplin menepati masa adalah satu elemen penting dalam menentukan kejayaan sesebuah negara. Jepun terlahir sebagai sebuah negara maju dan hebat kerana disiplin rakyatnya yang telah menjadi budaya dan amalan sejak kecil. Perubahan ini wajar dilaksanakan segera di kalangan rakyat Malaysia terutama dalam kita menuju era yang lebih mencabar.
12. Tahap kebersihan Jepun sangat memuaskan. Rahsia kebersihan Jepun adalah disiplin rakyatnya. Sikap ini perlu diperkasakan di kalangan masyarakat dan dipupuk sejak kecil. Menjaga kebersihan menjadi rutin kehidupan dan ini patut dijadikan contoh teladan.

C. PEMERHATIAN YB PASIR GUDANG

13. Di Jepun, gerakan koperasi amat kuat termasuklah pasaraya ko-op yang terdapat di banyak tempat, khususnya di bandar-bandar kecil jauh dari kota besar. Kedai-kedai koperasi atau pasaraya ko-op adalah satu kaedah untuk menjual harga barangan keperluan rakyat dengan harga yang murah dalam usaha mengatasi masalah kos sara hidup yang tinggi. Delegasi JKPK sempat mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin gerakan koperasi Jepun pada 3 Oktober 2023. Pemimpin utama gerakan koperasi Jepun tersebut dalam ucapannya menyebut nama Allahyarham Prof. Diraja Ungku Aziz iaitu mantan Presiden Angkatan Koperasi Malaysia, ANGKASA. Adalah amat baik jika gerakan koperasi di Malaysia dapat mencontohi kegiatan koperasi di Jepun dalam membantu rakyat menghadapi isu kenaikan harga barangan makanan yang tinggi.
14. Pada hari Rabu 4 Oktober 2023, delegasi JKPK membuat kunjungan hormat kepada Dato' Shahril Efendi Abd Ghany, Duta Besar Malaysia ke Jepun di Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Jepun. Delegasi JKPK diberi taklimat ringkas tentang hubungan Malaysia dengan Jepun. Tumpuan perbincangan banyak berfokus dalam usaha memperluaskan pasaran hasil-hasil pertanian Malaysia ke Jepun seperti nenas.
15. Delegasi JKPK juga telah pergi ke National Agriculture and Food Research (NARO) untuk belajar dan memahami dengan lebih dekat mengenai teknik Pertanian Pintar (*Smart Agriculture*) dan Ladang Ternakan Pintar (*Smart Dairy Farming*). JKPK percaya kaedah-kaedah moden ini semuanya penting sebagai ikhtiar dalam usaha Malaysia untuk meningkatkan produktiviti hasil padi di sawah bagi menjamin bekalan beras dan daging serta tenusu yang cukup untuk negara pada masa hadapan.
16. Dari Tokyo dengan menaiki keretapi laju ke Nagoya, delegasi JKPK menggalas amanah untuk melihat sendiri kemajuan mempromosi barang-barang makanan hasil pertanian dari Malaysia menembusi pasaran di Jepun. JKPK ini juga bertanggungjawab untuk memajukan usahawan kecil dan sederhana dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak dengan mencari jalan meningkatkan

eksport barangan makanan hasil pertanian desa ke luar negara khususnya Jepun seperti, durian musang king, keropok udang dari Terengganu, kerepek, lada hitam dari Sarawak, madu kelulut, laksa, antara lainnya, dengan penglibatan agensi seperti TERAJU di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Di Nagoya, delegasi JKPK mendapat taklimat dari Dr. Amiruddin selaku Pengarah Urusan SD Impex Japan Co. Ltd. yang bekerja dengan gigih untuk memasarkan barangan makanan dari Malaysia dengan label jenama yang popular di Jepun iaitu MyKitchen.

17. Seterusnya, delegasi dibawa melawat Ladang Buah-Buahan Togokusan di Moriyama-ku, Nagoya. Banyak perkara yang dapat dipelajari oleh Malaysia tentang penanaman buah-buahan secara moden dan saintifik. Malaysia tidak ketinggalan dalam penghasilan buah-buahan antara lainnya seperti nenas, durian, tembikai dan mangga Harum Manis. Selain untuk keperluan dalam negeri, penghasilan buah-buahan secara komersial berskala besar untuk dieksport perlu diberi perhatian oleh persatuan-persatuan petani, FAMA, MARDI, kerajaan-kerajaan negeri dan tentu sekali pihak KPKM.
18. Pada hari Jumaat 6 Oktober 2023, delegasi JKPK melawat sebuah organisasi NGO bernama Second Harvest Japan di Asakusabashi, Taito-ku, Tokyo. NGO ini menjalankan operasi kebajikan *foodbank* untuk membantu penduduk golongan miskin dan terbiar untuk mendapatkan barangan makanan secara percuma seperti beras, sayur dan sebagainya. Konsepnya ada persamaan seperti pemberian bakul makanan kepada golongan miskin atau B40 di Malaysia.
19. Program terakhir sebelum pulang ke tanahair ialah lawatan ke Ladang Shibayama di Katori, Chiba. Tanaman utama di Shibayama Farm itu ialah keledak manis berwarna ungu yang dieksport ke Malaysia, Singapura, Thailand dan lain-lain negara. Tanaman keledak ini dibuat secara *smart farming* atau tanaman pintar dengan petani moden yang mahir dan terlatih dapat menghasilkan keledak yang manis, hasil produktiviti yang tinggi, saiz keledak yang hampir sama mengikut cita rasa rakyat sesebuah negara pengimport dan standard kualiti unggul untuk pasaran global. Malaysia yang masih banyak tanah terbiar di kampung-kampung dan tanah kosong di FELDA dan FELCRA

sesuai menghasilkan keledak manis yang berkualiti sama seperti di Jepun jika kita mula memperkenalkan *smart farming* dan *smart agriculture* dengan penglibatan generasi muda yang berpendidikan dan minat kepada pertanian moden.

D. PEMERHATIAN YB TENGGARA

20. Secara umumnya keadaan geografi negara Jepun yang berbeza dengan negara kita menonjolkan pendekatan-pendekatan pertanian yang agak berbeza dengan Malaysia termasuk keadaan empat musim dan gempa bumi.
21. Dari segi amalan berkoperasi pula, Jepun agak terkehadapan dengan fundamental pencarum keahlian yang melihat koperasi bukan sahaja utama sebagai sumber tambahan pelaburan tetapi mengutamakan konteks penyediaan perkhidmatan, barangan dan peluang pekerjaan serta niaga hiliran kepada ahli dan keluarga ahli.
22. Terhidang potensi niaga usahawan Malaysia di pasaran Jepun terutama melibatkan dagangan buah-buahan tropika dan pemasaran produk-produk makanan, makanan halal serta kraftangan terutama terkait usahawan PMKS kita yang memerlukan intervensi Kerajaan dari segi strategi tepat dan mode keinginan kepenggunaan yang betul.
23. Sejak lebih 20 tahun lalu, Jepun memperkenalkan budaya pemakanan Barat yang menekankan nutrisi rendah karbohidrat dan lebih protein serta sayuran kepada kanak-kanak di sekolah. Ia adalah mandatori dan kesannya, selain berjaya melahirkan generasi kurang obesiti, pendekatan ini juga memberi kesan kepada penggunaan beras yang membantu pengeluaran padi Jepun sentiasa cukup untuk kegunaan 125 juta rakyatnya. Beberapa dapatan menarik lain ialah:
 - a) Kawasan pedalaman Jepun alami situasi putus bekalan barangan yang menjejaskan ekosistem peruncitan sehingga mengakibatkan penutupan premis peruncitan dan masyarakat luar bandar terpaksa mendapatkan kepenggunaan di pekan/bandar berhampiran melebihi 50 kilometer;

- b) Enam daripada 10 pekerja sektor tani di Jepun adalah pekerja asing;
- c) Generasi muda Jepun tidak berminat dalam bidang pertanian dan 60 peratus golongan tani adalah warga emas berusia 60 tahun dan ke atas yang dijangka mencetus polemik sektor tani Jepun menjelang 10 tahun lagi; dan
- d) Jepun fokus pertanian moden berbanding pertanian pintar.

E. PEMERHATIAN YB GOPENG

24. Jawatankuasa ini meletakkan sasaran negara Jepun sebagai destinasi lawatan rasmi atas dua sebab yang utama:
 - a) Jepun telah mengamalkan tumpuan pemindahan teknologi serta sasaran pasaran Halal di negara ASEAN dan seterusnya negara-negara Timur Tengah mampu memberikan lonjakan kepada hubungan perdagangan bilateral; dan
 - b) Hubungan Malaysia dan negara Jepun telah dipertingkatkan daripada Perkongsian Strategik kepada Perkongsian Komprehensif Strategik.
25. Kunjungan rasmi telah diadakan kepada Pentadbiran Kerajaan Jepun, antaranya termasuk Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun Miyashita Ichiro, Duta Besar Malaysia di Jepun Dato Shahril Effendi Abd Ghany, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Parlimen Jepun, H.E. Mr. Sasagawa Hiroyoshi, Director General Kementerian Petanian, Perhutanan dan Perikanan Mr. Suginaka Atsushi, NARO dan lain-lain kementerian dan pegawai kerajaan. Selain kunjungan rasmi, delegasi JKPK turut berjumpa bersama NGO Keusahawanan, Second Harvest Japan, usahawan pasaraya yang mempunyai ribuan cawangan dan lain-lain entiti perniagaan.
26. Negara Malaysia dan Jepun sebagai rakan strategik perdagangan di tempat keempat, sentiasa dalam usaha untuk merencanakan lagi bilateral perdagangan dan segala aktiviti yang mampu melonjakkan hubungan dua hala.
27. Kehadiran JKPK ke Jepun mendapat sambutan kehormat daripada Institusi Eksekutif Kerajaan Jepun dan Institusi Legislatif Negara Jepun. Kunjungan ini

menyatakan hubungan diplomatik Malaysia-Jepun adalah erat dan status “*Comprehensive Strategic Partnership*” (CSP) harus terus dipelihara. Penguatan hubungan dan kerjasama dua hala harus dipertingkatkan melalui program-program kerjasama seperti pertanian, teknologi pintar dan hijau, perubahan iklim, keusahawanan dan bandar pintar.

28. Jepun sebagai sebuah negara yang mengalami penguncupan populasi dan penduduknya semakin menua, kerajaan telah berjaya mengaplikasikan teknologi dalam industri pertanian dan usahawan dalam melahirkan industri pertanian yang produktiviti tinggi, kualiti tinggi, keyakinan tinggi dan kelebihan dalam memudahkan golongan petani yang baru dan muda berasaskan kemahiran teknologi.
29. Pengurusan *food bank* oleh sebuah entiti yang tidak berasaskan keuntungan tanpa melibatkan peruntukan kerajaan. Usaha ini diteruskan dengan pelbagai inisiatif yang consistent dan berjaya dijalankan dengan pengurusan yang tersusun dan memberikan manfaat kepada golongan berkeperluan tanpa kira latar belakang dan kewarganegaraan.

SYOR-SYOR JAWATANKUASA

Berdasarkan lawatan-lawatan delegasi seperti yang diperincikan dalam laporan program, syor-syor jawatankuasa adalah seperti berikut:

1. Pengukuhan hubungan dan kerjasama dua hala harus dipertingkatkan melalui program-program kerjasama seperti pertanian, teknologi pintar dan hijau, perubahan iklim, keusahawanan dan bandar pintar.
2. JKPK seharusnya merangkakan rancangan post lawatan untuk meneruskan program-program kerjasama seperti dialog dan forum yang membabitkan kerjasama agensi kerajaan Malaysia - Jepun, seperti MARDI dan NARO, Koperasi Malaysia dan Japan Co-operative Alliance (JCA) dan sebagainya.
3. Malaysia mampu memainkan peranan yang penting sebagai halal hub bagi mempertingkatkan perdagangan, pembuatan, penyelidikan dan pembangunan dua hala bagi produk Jepun diperakui halal di Malaysia seterusnya Malaysia dijadikan gerbang pasaran halal untuk menembusi ke pasaran dunia.
4. Malaysia mampu memainkan peranan yang penting sebagai halal hub bagi mempertingkatkan bilateral perdagangan, pembuatan, penyelidikan dan pembangunan dua hala bagi produk Jepun diperakui halal di Malaysia seterusnya Malaysia dijadikan gerbang pasaran halal untuk menembusi ke pasaran dunia.
5. Pasaran Jepun masih berpotensi besar untuk produk buatan Malaysia, namun keperluan untuk membantu usahawan yang berusaha untuk menembusi ke dalam pasaran antarabangsa amat diperlukan untuk memastikan kelangsungan perdagangan.

BAHAGIAN IV

RUMUSAN JAWATANKUASA

1. Secara keseluruhan lawatan kerja ini telah berjalan dengan lancar dan mencapai objektif lawatan kerja yang digariskan. Pertemuan, perbincangan dan perkongsian dengan semua organisasi yang diatur telah memberi peluang kepada delegasi JKPK untuk mendalami dan memahami isu-isu perbincangan.
2. Kesemua 13 program yang telah diatitkan telah berjalan dengan lancar dan teratur. Tiada sesi yang dibatalkan atau disingkatkan waktu pertemuan, tetapi ada beberapa sesi pertemuan yang dilanjutkan waktu pertemuan kerana kedua-dua pihak telah berinteraksi dengan aktif dan amat menghargai peluang pertemuan yang terhidang.
3. Keberkesanan Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai instrumen semak imbang Majlis Parlimen boleh ditingkatkan keberkesanannya melalui ruang perhubungan dengan agensi berwibawa antarabangsa, kumpulan pemikir dan parlimen-parlimen negara lain. Lawatan kerja ke Jepun adalah sebahagian daripada melaksanakan peranan ini.
4. Justeru itu, hubungan, kepakaran, kerjasama dan komunikasi perlu dipertingkatkan melalui peranan yang dimainkan oleh JKPK di masa akan datang bagi memberi kesan kepada peranan yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Malaysia.
5. Selain memainkan peranan bagi pihak Parlimen Malaysia, JKPK juga perlu memainkan peranan tambahan yang aktif ketika lawatan kerja ke luar negara. Dalam lawatan kerja kali ini, delegasi JKPK turut mengambil peluang melalui pertemuan yang diatitkan untuk mempromosikan produk Malaysia, terutamanya buah-buahan tropika.

6. Daripada sesi pertemuan yang telah diadakan, JKPK mendapati bahawa penduduk Jepun sebenarnya menggemari buah-buahan tropika seperti pisang, tembikai, nanas, buah naga dan manggis. Namun, pada ketika ini, mereka tidak mengimport buah-buahan ini dari negara kita. Sebaliknya, mereka mengimport dari negara-negara Asia Tenggara yang lain.
7. Ini jelas menunjukkan potensi besar yang boleh diterokai untuk buah-buahan tropika ini. JKPK percaya Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan agensi yang berkaitan boleh mengambil peluang yang ada, agar ia akan mendatangkan hasil kepada negara kita. Wakil KPKM turut serta dalam sesi-sesi pertemuan yang telah diadakan dan JKPK percaya bahawa tindakan susulan bakal membuahkan hasil untuk negara kita.
8. Satu perkara utama yang JKPK sempat membelajari daripada lawatan ini adalah penggunaan teknologi dan konsep pertanian pintar dalam meningkatkan keberhasilan produk pertanian. Secara amnya, hasil pertanian atau yield pertanian di Jepun adalah sangat tinggi dan berkesan, kerana mereka mengoptimalkan penggunaan teknologi dalam bidang pertanian.
9. Hasil beras misalnya, negara Jepun berjaya mencapai *self-supply* 100 peratus, malah hasil beras mereka melebihi keperluan 125 juta penduduknya. Beras turut digunakan sebagai bahan mentah untuk produk makanan yang lain, seperti sebagai bahan mentah dalam roti dan biskut, iaitu menggantikan gandum yang diimport dari Amerika Syarikat. Selain itu, hasil tenusu Jepun juga mampu memenuhi pasaran tempatannya.
10. Apa yang jelas adalah semangat jati diri orang Jepun yang tinggi, yang membolehkan negara mereka berjaya mengurangkan kebergantungan kepada bahan makanan yang diimport dari negara lain. Semangat ini wajar dibelajari dan dicontohi oleh kita di Malaysia. Apakah kita menghujahkan keterjaminan makanan (*food security*), adalah wajar untuk kita mengurangkan kebergantungan kepada makanan yang diimport.

11. Isu bekalan dan harga beras putih yang menghantui kita ketika ini, merupakan satu pengajaran yang amat berguna dan kita perlu berusaha keras ke arah mengurangkan makanan yang diimport, sebaliknya memperbaiki keberkesanan kaedah yang dilaksanakan di negara kita, untuk meningkatkan hasil pertanian kita.
12. JKPK turut mendapati bahawa masyarakat yang menghadapi masalah penuaan di Jepun, tidak menjejaskan hasil pertanian mereka, kerana penggunaan teknologi dan pertanian pintar berjaya mengatasi faktor penuaan petani. Lebih separuh pesawah di Jepun berusia 60 tahun ke atas, tetapi Jepun masih berjaya memastikan hasil berasnya kekal pada tahap yang tinggi.
13. Selain itu, JKPK mendapati bahawa produk makanan seperti serbuk cili, rempah, biskut kita yang dihasilkan oleh PMKS kita juga mempunyai potensi untuk menembusi pasaran Jepun. Kita mengakui hakikat bahawa pasaran runcit di Jepun mempunyai penduduk yang ramai dan kuasa membeli yang tinggi. Namun, sama ada produk makanan kita berjaya menembusi pasaran Jepun atau sebaliknya, ia bergantung kepada jalinan yang wujud dan keberkesanan pendekatan promosi kita.
14. JKPK juga bersedia berkongsi hasil dapatan daripada lawatan kerja di Jepun dengan mana-mana pihak yang berkaitan, agar perkara yang baik boleh dibelajari dan diaplikasikan oleh agensi di negara kita.
15. Akhirnya, ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak terutamanya kepada Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Jepun dan Pejabat Kaunselor Pertanian Malaysia yang banyak membantu menjayakan lawatan kerja ini.

LAMPIRAN LAPORAN LAWATAN KERJA KE JEPUN
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP
DAN PERTANIAN

NO	LAMPIRAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
1	Lampiran A	Senarai Delegasi Lawatan Kerja ke Jepun Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup Dan Pertanian	1
2	Lampiran B	Jadual Program Lawatan Kerja ke Jepun Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian	2
3	Lampiran C	Pembentangan ' <i>Food Security Policy in Japan</i> ' oleh Policy Coordination Office, Ministry of Agriculture, Forestry and Fisheries (MAFF)	3

**SENARAI DELEGASI
LAWATAN KERJA KE JEPUN
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN**

PARLIMEN MALAYSIA

1. Yang Berhormat Tuan Cha Kee Chin
Ahli Parlimen Rasah (Pengerusi)
2. Yang Berhormat Tuan Manndzri bin Nasib
Ahli Parlimen Tenggara
3. Yang Berhormat Tuan Tan Kar Hing
Ahli Parlimen Gopeng
4. Yang Berhormat Tuan Hassan bin Abdul Karim
Ahli Parlimen Pasir Gudang
5. Yang Berhormat Dato' Rosol bin Wahid
Ahli Parlimen Hulu Terengganu
6. Puan Hazliana binti Yahaya
Pegawai Penyelidik
Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas
7. Puan Lee Jing Jing
Setiausaha Delegasi
Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

8. Datuk Azman bin Adam
Ketua Pengarah Penguatkuasa KPDN
9. Encik Norzam Adhar bin Mohd Nor
Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Subsidi dan Bekalan
10. Puan Sukinurlin binti Yusuf
Ketua Penolong Pengarah, Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

11. Encik Jaswan bin Mulop
Kaunselor, Pejabat Kaunselor Pertanian
12. Puan Dayana Anith binti Suhainih
Setiausaha Pertama, Pejabat Kaunselor Pertanian

**JADUAL PROGRAM
LAWATAN KERJA KE JEPUN
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN**

Tarikh	Program
1 Oktober 2023 (Ahad)	• Penerbangan (Kuala Lumpur ke Tokyo) • Daftar masuk hotel penginapan Tamat Hari Pertama
2 Oktober 2023 (Isnin)	• Bertolak ke National Diet of Japan • Sesi pertemuan bersama H.E. Mr. Furuya Keiji, Chairman of Japan-Malaysia Parliamentary Friendship Association, Chairman of Japan-Malaysia Association (JMA) dan Ahli House of Representatives of Japan • Sesi Perbincangan bersama H.E. Mr. Sasagawa Hiroyoshi, Chair, Standing Committee of Agriculture, Forestry and Fisheries, House of Representatives of Japan • Lawatan ke National Diet of Japan dan Parliamentary Museum Tamat Hari Kedua
3 Oktober 2023 (Selasa)	• Sesi Perbincangan bersama H.E. Mr. Miyashita Ichiro, Director General for Policy Coordination, Ministry of Agriculture, Forestry and Fisheries (MAFF) • Sesi Perbincangan bersama Japan Co-operative Alliance (JCA) dan lawatan ke Co-op Deli Tamat Hari Ketiga
4 Oktober 2023 (Rabu)	• Sesi Pertemuan bersama Duta Besar Malaysia ke Jepun • Sesi Perbincangan bersama KI Fresh Access Inc. • Sesi Perbincangan bersama National Agriculture and Food Research Organization (NARO) Tamat Hari Keempat
5 Oktober 2023 (Khamis)	• Sesi Perbincangan bersama SD Impex Japan Co., Ltd • Lawatan ke Togokusan Fruits Park Tamat Hari Kelima
6 Oktober 2023 (Jumaat)	• Lawatan ke Second Harvest Japan • Lawatan ke Shibayama Farm Co., Ltd Tamat Hari Keenam
7 Oktober 2023 (Sabtu)	Bertolak pulang ke Malaysia

Food Security Policy in JAPAN

October 2023

MAFF


Ministry of Agriculture,
Forestry and Fisheries
農林水産省

The Basic Act on Food, Agriculture and Rural Areas

- ✓ The Basic Act on Food, Agriculture, and Rural Areas has been in effect since 1999.
- ✓ However, the economic, social, and political background has completely changed over the last two decades.

The Basic Act on Food, Agriculture and Rural Areas

Back in 1999



Political aspect:

Free trade under WTO

Economic aspect: Japan was one of the global economic leaders

Exporting countries sought Japanese market

Social aspect:

The population in Japan was growing


This Act defined the role of Agricultural industry and Rural area based on these circumstances in the 20th century.

2. Increasing the risk of import

3


Instability in Global Food Supply, Demand, and Production

- ✓ World population : 6 billion(1999) → 8 billion(2022)
- ✓ Population growth has given rise to many problems in food supply



Trends in Grain Price

- Grain price has basically been on the rise since 2008 while increasing instability due to such factors as good and/or bad harvests.




5


Change in World Food Import

- While Japan was the largest importer of soybeans and corn and the second largest importer of wheat 20 years ago, its influence and share in the global crop market have steadily declined in recent years.


○Agricultural Products




○Wheat



○Soybean



○Corn




出典 : FAOSTAT

6

Trends in Fertilizer Raw Material Prices

- Prices for fertilizer raw materials have been on the rise same as for grain.
- Affected by globally devastating economic confusion in 2008 and 2022.

○Trends in Fertilizer Raw Material Prices




Source: MAFF

7

Import of Fertilizer Raw Material by Japan

- Dynamic shift in importing countries from 1998 to 2020
- Japan relies heavily on imports from China for Urea, Ammonium, and Phosphate, and from Russia and Belarus for Potassium Chloride.
- As for Urea, Malaysia is the No.1 exporter to help Japanese farmer




Source: Mof

8


Change in Japanese Influence on Global Food Trade

- Back in 1998, Japan was the world's largest net importer of agricultural, forestry, and fishery products, so we were influential as a price maker. Yet, in recent years, our status in the global economy has been declining since China has taken this position instead of Japan.
- Although food self-sufficiency was also low at that time, we could purchase food from other countries due to certain purchasing power. However, with the relative decline in purchasing power, we have faced the challenge of stable imports and expanding domestic products.

Agricultural, Forestry, and Fishery Products Import Value by Country



China's share of world food consumption



9

3. What is the Topic of "Food Security" in Japan

- International Discussion on Food Security
"the physical, social, and economic availability of sufficient, safe, and nutritious food for all people, at all times, to meet their dietary needs and thoughts necessary for an active and healthy life" (FAO Food Summit)
- The number of people who have difficulty accessing food is increasing. Also, it is growing in relative poverty.



The emerging concept, "Food security for every each nation," has been important in Japan.

10

International Definition of "Food Security"

- The FAO Food Summit held in Rome in 1996 was the first meeting to discuss food issues on a global scale.
- In this summit, The "Rome Declaration on World Food Security" was compiled to achieve food security for all and halve the current undernourished population by 2015.
- The definition of food security was proposed in the "World Food Summit Plan of Action" in the Declaration as below.

[Definition of "Food Security" by FAO]

"Food security exists when **all people, at all times, have physical, social and economic access to sufficient, safe and nutritious food** which meets their **dietary needs and food preferences** for an active and healthy life."

This widely accepted definition points to the following dimensions of food security:

[4 dimensions of Food Security]

Food Availability

The availability of sufficient quantities of food of appropriate quality, supplied through domestic production or imports (including food aid)

Utilization

Utilization of food through adequate diet, clean water, sanitation and health care to reach a state of nutritional well-being where all physiological needs are met. This brings out the importance of non-food inputs in food security.

Food Access

Access by individuals to adequate resources (entitlements) for acquiring appropriate foods for a nutritious diet. Entitlements are defined as the set of all commodity bundles over which a person can establish command given the legal, political, economic and social arrangements of the community in which they live (including traditional rights such as access to common resources).

Stability

To be food secure, a population, household or individual must have access to adequate food at all times. They should not risk losing access to food as a consequence of sudden shocks (e.g. an economic or climatic crisis) or cyclical events (e.g. seasonal food insecurity). The concept of stability can therefore refer to both the availability and access dimensions of food security.


11

The Impact of "2024 Issue"


- A severe labor shortage in the transportation industry due to the long working hours and low wages lasts for a long time.
- Especially, tightening the labor regulation to put the upper limit for working hours in the transportation industry results in the labor shortage called 2024 Issue
- It is inevitable to do serious damage to the transportation of agricultural and fishery products.

Shortage of labor due to long working hours and low wages

- Truck, bus, and Taxi drivers work 10-20% more hours per year than the average for all occupations, yet their annual wages are up to 40% lower.



- In 2021, the effective ratio of job openings in the "occupations of driving a car" was 2.09 times, compared to an average of 1.03 times for all occupations, indicating a serious shortage of drivers.



Source : MHLW

Fear of stagnation in logistics and disruption to traffic

Insufficient transportation capacity due to limited working hours

(1) Insufficient transportation capacity

	Insufficient transportation capacity ratio	Insufficient commercial trucking capacity
Estimate based on 2019	14.2%	400 million ton

(2) Insufficient transportation capacity (by Category)

Agricultural and fisheries	32.5%
Construction Industry Wholesale	10.1%
Wholesales and retail trade	9.4%
Joint Shipping	23.6%
Prime Carrier	12.7%
Paper and pulp	12.1%
Food and Beverage	9.4%
Automobile & Machinery	9.2%
Chemical products	7.8%
Daily necessities	0.0%

(3) Insufficient transportation capacity (by Region)

9.2%~20.0%


12

People with Difficulty in Food Access

- Closure of supermarket business in rural areas causes "food access issue" (difficulty to reach shopping within 30min – 1hour)
- The area of difficulty in food access has been expanding in not only rural but also urban area



○People with Difficulty in Accessing Food

(Thousand) ("%" is aging rate)



Source: PRIMAFF

○Increase in population with Difficulty in Accessing Food (2005 to 2015)



Source: PRIMAFF

13

Trends in Poverty Rates

- According to the shift in the relative frequency distribution of income per household, the average income per household decreases, the number of high-income decreases, and the number of below-average increases, expanding the relatively poor.
- In general, the increase in low-income households might trigger poor diet problems such as malnutrition and overnutrition.


○Trends in Poverty Rates by country (%)

	2018
U.S.	18.1
Korea	16.7
Japan	15.7
Italy	14.2
UK	11.7
Germany	9.8
France	8.5

Source: MHLW, OECD

Note: Poverty rate is the percentage of household members with less than half of the median disposable income.

○Relative frequency distribution of the number of households by income group




Source: MHLW

14


Food Bank

- The number of food bank organization in Japan has been on increase at relatively high pace, but not enough.

○ Concept and role of food bank



○ Number of Organization of Food Bank



15

4. Smart Agriculture


- Working force mainly engaged in farming:
2.4 million (2000) → 1.23 million (2022)
⇒ Expected to decrease to about 300,000 in 20 years
- Large-scale farming operations such as agricultural corporations will increase.
- In some countries, even though the number of farmers and farmland area is decreasing, the supply is increasing through productivity improvement. ↓
- Productivity improvement through the implementation of smart agriculture is essential.

16

Securing farmers under the population decrease

- ✓ The number of working force mainly engaged in agriculture has decreased from 2.4 million to 1.4 million since 2000.
- ✓ On the other hand, agricultural land consolidation has accelerated, from retiring farmers to large-scale farming companies.


The number of working force who mainly engaged in farming



Source: "Census of Agriculture and Forestry" by MAFF.

Note: The "basic farmers" are those household members aged 15 or older who are engaged in self-employed agriculture as their regular work. (Employed farmers are not included).

Farmland consolidation on large scaled farmers



Source: MAFF.

Note: The area of agricultural land use consolidation refers to the area managed by certified farmers, certified new farmers, and those who have reached the level set by municipalities, and community farmers through ownership, use rights, and specific farming operations.

17

Smart Agriculture

- "Smart agriculture or farming" is a combination of agriculture and advanced technology, sometimes called Precision agriculture in other countries. Agriculture that utilizes advanced technologies such as robots, AI, and IoT is being developed.
- We are aiming at realize the "Society 5.0, a vision of a future society with advanced technology advocated by the Japanese government" in the agricultural sector through solving several challenges in production sites.

Effects of Smart Agriculture

(1) Automation of work

Robot tractors and smartphone-operated water management systems for paddy fields can be used to automate work and reduce the need for human labor.

(2) Simplification of information sharing

By utilizing a business management application linked to location information, work records can be digitized and automated, allowing even unskilled farmers to take the initiative in production activities.

(3) Utilization of data

AI analysis of sensing data from drones and satellites, as well as weather data, enables advanced agricultural management by predicting crop growth and pests and diseases.



Data Collaboration Platform

Agricultural Data Collaboration Platform

Linking, sharing, and providing data necessary for smart agriculture.

Smart Food Chain Platform

Linking data from production to processing, distribution, sales, and consumption.


Linkage

18

Introduction of Smart Agriculture Technology

■ Drone

We can apply drones to situations such as spreading pesticides and field sensing.
e.g.: Pinpoint pesticide application by drone



■ Working (Harvesting) Robot

Applying robots makes it easy to carry harvested crops, mow grass, and spray pesticides and herbicides. Moreover, harvesting robots are being developed and introduced for various crops.

Automatic unmanned mower



- (1) Automatically mows grass in a designated area while detecting obstacles with sensors.
- (2) Linked to a smartphone, the work status can be checked at a distance.
- (3) Reduces labor shortages as well as the risk of farmwork accidents.

Tomato harvesting robot



Autonomous pesticide spraying robot



■ Utilization of Data


We are going to combine data such as weather data, satellite images, and growth forecasting models to conduct precise cultivation management according to each environment and stage of growth

Weather Data
Growth Prediction Programs
Satellite Data

Perform various diagnostics necessary for cultivation, such as growth prediction.



Prediction of Pests



Fertilizer diagnosis


19

Problems in Promoting the Introduction of Smart Agriculture

- In the demonstration project, we have confirmed the effects of a reduction in working hours and an increase in yields. On the other hand, the initial and running costs have bottlenecked farmers to introduce smart farming. In some cases, initial costs have put pressure on profits, resulting in loss.
- We desperately need to reduce the initial cost to promote and expand smart agriculture.
- To put this into practice in farming, we should not spend more budget for farmers to use expensive machines, but outsource the task to the business entities that provide smart agricultural technology.

Reasons for not adopting smart farming

(178farmers, Multiple answers allowed) (件)



37.1% of farmers responded "Willing to purchase regardless of price if there is a profit benefit"

Source : MAFF

<Examples of Demonstration Projects>

Summary (2020)	Details of the Demonstration
Labor : 4permanent employees 3 Temporary employment	Automated tractors, Water management systems, drones, automatically operated assisted combines, Variable fertilizer spreader, etc.
Management area : Rice 23.1ha Tomato 0.3ha	
Demonstration area : 23.1ha	


	before (2018)	After(2020)
Income	34,700	41,550
Rice	29,395	35,319
Tomato	4,223	6,124
Other	1,082	108
Total Cost	29,117	43,028
Seeds	1,500	1,134
Fertilizer	3,031	4,384
Pesticide	865	944
Machinery & Facilities	4,596	15,466
Labor costs	9,990	7,992
(Working hour (h))	(6,660)	(5,328)
Other	9,135	13,109
Profit	5,584	-1,478

Source : MAFF

20

Adoption of smart technology through outsourcing

- The emerging agricultural service provider increases, which supports farmers to utilize smart agricultural technology such as pest control by drones and data-driven consulting advice.
- Farmers can save their costs by outsourcing the application of smart agricultural technology without wasting their precious resources such as preventing over-investment.



5. Food Security in Emergency Situation

We are diving into the uncertain era of food security compared to decades ago.

⇒

- 1) Relative decline in international economic position of Japan
- 2) Instability of food production due to extreme weather and climate change, and the increasing volatility in price
- 3) Geopolitical risks that could artificially create the above situation
- 4) Disruption of logistics due to lockdown caused by the global spread of new coronavirus infections
- 5) Supply disruptions due to outbreaks of livestock diseases, etc.



- Cooperation in relevant ministries and agencies is desperately needed to deal with unpredictable situations.
- To prepare for the responses based on the extent of risk, we first verify whether the current legal framework, the base for contingency planning, is enough to prevent unpredictable situations.

22

Factors De-stabilizing Food Supply

Increase food supply to accommodate global population growth

- + Increase in yield per unit area
- + Increase farming area

Limitation to further increase food supply

On the other hand,

Diversification of factors that destabilize supply and demand, and Severity of their effects

- +/- **Climate change** (which has a significant effect of reducing unit yield in the world as a whole)
- **Frequent extreme weather events** (e.g., droughts due to water shortages, crop failures due to high temperatures, etc.)
- **Spread of livestock and plant diseases** (African swine fever, avian influenza, etc.)
- **Spread of infectious diseases** (e.g., outbreaks of COVID-19, resulting in supply chain disruptions, logistics disruptions, etc.)
- **Geopolitical risks** (restrictions on food and Fertilizer trade triggered by political factors such as Russia's invasion of Ukraine, etc.)
- **Changes in demand** (e.g., increased demand for livestock products in emerging and developing countries, further increase in demand for grains due to rising demand for non-food products)
- **Export restrictions** (e.g., wheat export restrictions in Russia, India, palm oil in Indonesia, stricter inspections on fertilizer exports in China)
- **Intensifying import competition** (increasing the so-called "risk of losing out" when supply and demand become tight)

23

Increase in Frequency and Intensity of Droughts due to Climate Change

○ According to the Report released by the Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC) in August 2021, the frequency and intensity of droughts will increase due to such factors as declining soil moisture content associated with the escalation of global warming.

Mechanisms for increasing frequency and intensity of drought due to climate change


Change in precipitation and evaporation as global warming escalates

Changes in soil moisture content, leading to drier soils in some areas

Intensity and frequency in drought increase in arid regions

Changes in Soil Moisture Content Due to Global Warming

~Decrease in soil moisture and desiccation due to warming~




Source : Ministry of Environment

Frequency and intensity in drought

Decrease of 1 in 10 years

Increase in frequency and intensity of droughts such that they occur on average once every 10 years in areas that are dry in the absence of human influence



24

Impact on Fertilizer Raw Material Prices by Russian Invasion of Ukraine

- Russia is a significant exporter of fertilizer materials, and after Russia invaded Ukraine, international prices of fertilizer materials (especially potassium chloride) skyrocketed due to concerns over its supply.

Export share of fertilizer raw materials

(10,000t) Urea (2021)

Country	Amount	Share
Russia	701	14%
China	529	11%
Qatar	511	10%
Oman	336	7%
Saudi Arabia	324	7%
Other	2,552	52%
Total	4,953	100%


Potassium Chloride

Country	Amount	Share
Canada	2,163	39%
Russia	1,183	21%
Belarus	1,006	18%
Israel	342	6%
Germany	335	6%
Other	584	10%
Total	5,613	100%

Diarsenic Phosphate(DAP)

Country	Amount	Share
China	625	37%
Morocco	339	20%
Saudi Arabia	275	16%
Russia	129	8%
U.S.	62	4%
Other	249	15%
Total	1,681	100%

Source : FAO STAT



25

5. What's next for Food Security policy in JAPAN

26

Next Approach to Food Security in JAPAN

(1) Establish food security for each individual

Food security is defined as "the availability of sufficient food for active and healthy activities for each and every citizen in the future," not limited to unforeseen circumstances, and we should achieve food security from peacetime.

- ① Stable food supply
- ② Improvement of food access for all citizens to have a healthy diet
- ③ Export promotion
- ④ Appropriate price formation

(2) Transform conventional into sustainable agriculture and food industry

To minimize negative impacts on environment caused by agricultural production activities, Japan will transform conventional into sustainable agriculture and food industry to mainstream.

(3) Enhance agricultural productivity under the trend in decrease of professional farmers

- Accumulate farmland of retiring farmers to large scale farming company
- Promote competitiveness and Improve financial health of farming company
- Increase in productivity by smart agriculture

(4) Take measures against to the population decrease in rural area

Ensure maintenance and management of production infrastructure, such as irrigation and drainage channels, managed by rural community citizens, enabling agricultural production activity to continue even in areas of community functions that might disappear due to the population decrease.